

19 AUG 1997

SARANAN PM SUPAYA RAKYAT KUASAI BAHASA ASING TEPAT PADA MASANYA, KATA DAP

KUALA LUMPUR, 19 Ogos (Bernama) -- DAP hari ini menyokong saranan Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad supaya rakyat mengetepikan anggapan bahawa semangat nasionalisme hanya tertakluk kepada penggunaan bahasa ibunda sendiri.

Setiausaha Agung DAP, Lim Kit Siang, dalam satu kenyataan di sini berkata saranan itu "tepat pada masanya terutamanya bagi masyarakat pelbagai bahasa yang akan menghadapi cabaran Masyarakat Bermaklumat pada abad ke 21."

Beliau berkata sudah tiba masanya bagi rakyat Malaysia untuk menunjukkan sikap yang lebih terbuka terhadap bahasa ibunda sendiri dengan mengiktirafkannya sebagai sebahagian daripada bahasa rakyat Malaysia.

Semasa di Kota Kinabalu semalam, Dr Mahathir merujuk kepada sesetengah pihak yang menolak bahasa Inggeris kerana beranggapan bahawa mempelajari bahasa asing akan bertentangan dengan semangat nasionalisme.

Lim berkata DAP sering menyarankan supaya bahan sastera rakyat Malaysia sama ada dalam bahasa Melayu, Cina, Tamil atau Inggeris diiktirafkan sebagai sebahagian daripada kesusasteraan Malaysia asalkan ia berpusat kepada rakyat Malaysia.

Sementara itu, Timbalan Pengerusi DAP Karpal Singh, dalam satu kenyataan lain juga memuji pendirian Dr Mahathir terhadap isu itu.

Beliau berkata dengan memberi penekanan terhadap keutamaan mempelajari bahasa Inggeris tidak bermakna mengetepikan Bahasa Malaysia. -- BERNAMA

RAZ NAK